

BUDAYA ILMU: MAKNA DAN MANIFESTASI DALAM SEJARAH DAN MASA KINI, oleh Wan Mohd Nor Wan Daud. 2019. CASIS & HAKIM: Kuala Lumpur. Halaman 414. ISBN 978-967-14031-3-6.

Buku *Budaya Ilmu: Mekan dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini* merupakan buku edisi ketiga dimana judul asalnya bertajuk *Penjelasan Budaya Ilmu* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1991. Edisi kedua pula diterbitkan pada tahun 2003 oleh Pustaka Nasional, Singapura dengan judulnya *Budaya Ilmu: Suatu Penjelasan*. Perbezaan jelas dalam ketiga-tiga edisi ini ialah edisi pertama merupakan lanjutan daripada risalah penulis yang bertajuk *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat dan Pelaksanaannya di Malaysia* dan edisi kedua pula mempunyai penambahan sebanyak dua bab iaitu pertama mengenai budaya ilmu di peringkat institusi dan kedua epilog. Edisi ketiga pula memuatkan satu bab tambahan dan tiga makalah yang pernah diterbitkan oleh penulis. Perubahan kecil ini menurut penulis adalah disebabkan isu-isu utama tentang ilmu, Pendidikan dan kepentingan bersama yang masih relevan dibincangkan.

Buku ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama memuatkan lima bab iaitu *Budaya Ilmu dan Tamadun, Konsep Budaya Ilmu, Sistem Nilai Budaya Ilmu dan Jelmaan Sejarahnya, Islāmisasi Ilmu-Ilmu Semasa, dan Pelaksanaan dalam Masyarakat* yang banyak membincangkan berkenaan dengan pengenalan terhadap Budaya Ilmu. Bahagian kedua pula memuatkan tujuh bab yang bertajuk *Iklim Kehidupan Intelektual di Andalusia, Budaya Ilmu di Alam Melayu, Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi, Budaya Ilmu, Perpaduan dan Kesejahteraan Negara, Budaya Ilmu Institusi I: ISTAC, Budaya Ilmu Institusi II: CASIS dan Epilog* yang pada kiranya bagi pengulas adalah contoh penjelmaan dan amalan konsep Budaya Ilmu dalam kehidupan seharian.

Buku yang ditulis ini menurut penulisnya merupakan satu cetusan daripada kesedaran para pemimpin terhadap kepentingan dan kedudukan ilmu pengetahuan sebagai prasyarat penting bagi pembangunan bangsa. Penulis juga ada menjelaskan peranan ilmu sebagai jalan penyelesaian terhadap segala masalah yang berlaku pada masa kini dan seterusnya. Konsep Budaya Ilmu yang dimuatkan dalam buku ini berteraskan konsep ilmu dalam Islām. Di bahagian pengenalan ini juga, penulis ada menjelaskan berkenaan dengan budaya ingkar ilmu yang terhasil akibat kebenaran yang seringkali dinisbikan dan dinafikan kemutlakannya. Hal yang demikian kerana sikap individu yang sangat cintakan dunia dan sering bercita-cita untuk mengecapi kepuasan diri agar dikatakan sebagai kejayaan dan kesejahteraan diri semata-mata. Bahagian pertama dimulai dengan bab yang bertajuk *Budaya Ilmu dan Tamadun*. Dalam bab ini, penulis telah membuat perbandingan budaya ilmu yang telah dilakukan dan diamalkan oleh tamadun-tamadun terdahulu. Secara tidak langsung, perbandingan ini sebenarnya memberikan keadilan kepada peranan dan sumbangan tamadun-tamadun sebelum ini yang sedikit sebanyak memberikan gambaran awal yang jelas untuk memahami apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan budaya ilmu. Tamadun-tamadun yang telah dibincangkan sememangnya berjaya membentuk dan menghasilkan budaya ilmu yang wajar dicontohi oleh masyarakat pada masa kini, khususnya di Malaysia dan dalam kalangan kaum muslimin secara amnya. Dalam bab yang sama, penulis menekankan juga peri penting ilmu sebagai teras sistem nilai agama Islām dan ilmu juga mendapat tempat yang tertinggi dalam pandangan alam, syariah, akhlak dan tamadun Islām. Penjelasan yang diberikan oleh penulis membuka mata bagi sesiapa yang masih tidak jelas dan tidak tahu untuk meletakkan kedudukan ilmu pada tempat yang sepatutnya.

Bab kedua pula dengan tajuk *Konsep Budaya Ilmu* menjelaskan makna budaya ilmu secara menyeluruh. Dalam penjelasan tersebut, penulis telah menggambarkan ciri-ciri mutlak budaya ilmu yang mana harus tersebar luas dan berakar dalam segenap lapisan masyarakat. Penekanan terhadap ciri-ciri budaya ilmu sangat penting bagi menjamin kefahaman dan makna budaya ilmu yang betul dan tidak terkeliru dengan makna-makna yang seringkali diambil dari makna barat. Penulis juga membuat perbandingan terhadap konsep ilmu barat dengan Islām untuk menjelaskan perbezaan ketara yang harus diketahui oleh pembaca sebagai langkah untuk memahami erti sebenar budaya ilmu dalam Islām. Turut dijelaskan adalah konsep ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah yang ramai dalam kalangan orang Islām tersalah anggap dan keliru akannya. Menurut penulis, ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang berbeza atau bersifat dualisme, malah kedua-duanya saling berkait dan datang dari satu hakikat yang sama dengan ilmu Fardu Ain mendapat keutamaan yang lebih dari ilmu Fardu Kifayah. Fardu Ain juga bukanlah satu konsep yang jumud malah sentiasa berkembang mengikut keperluan dan keadaan yang dialaminya.

Dalam bab yang sama, makna ilmu telah ditakrifkan dengan jelas. Penulis mengambil takrifan SMN al-Attas yang menurut penulis adalah takrifan yang paling tepat kerana takrifan tersebut meliputi keseluruhan konsep ilmu dalam Islām. Takrifan yang diberikan oleh SMN al-Attas adalah satu konsep yang sangat lengkap, menyangkan ketepatan keseluruhan makna ilmu yang dapat dibezakan ilmu dengan fakta atau kemahiran atau maklumat. Segala perkara seharusnya memberikan makna yang merujuk kepada diri sendiri, dapat memberikan pengenalan kepada kedudukannya dan dapat dihubungkan antara satu dengan yang lain secara betul. Ini seterusnya dapat memberikan kefahaman yang tentunya menimbulkan keyakinan yang hakiki dan meningkatkan kualiti kerohanian diri. Para pembaca seharusnya memberikan perhatian yang lebih dalam bab kedua ini kerana bab kedua ini dapat menjelaskan segala kekeliruan dalam mendefinisikan makna ilmu.

Bab ketiga pula dengan tajuk *Sistem Nilai Budaya Ilmu dan Jelmaan Sejarahnya* membincangkan nilai-nilai yang harus ada pada sesuatu budaya ilmu. Penulis memulakan bab ini dengan menyatakan nilai pertama iaitu kepentingan ilmu. Dalam tajuk kecil ini, penulis menekankan betapa pentingnya nilai ilmu sebagai satu kebaikan utama dan asas bagi kebaikan yang lainnya. Setiap perkara yang dilakukan mestilah berasaskan dan bersumberkan ilmu tanpa sedikitpun merendahkan nilai ilmu tersebut. Nilai kedua pula adalah usaha dan hasil dalam jalan keilmuan adalah sesuatu yang bersifat kekal. Sifat ini merupakan satu kebajikan dan sumbangan untuk diri sendiri dan manusia amnya serta sebagai ganjaran untuk bekal pada hari akhirat. Oleh sebab itu, nilai ketiga yang ditekankan adalah usaha kelimuan yang harus dilakukan secara berterusan. Ini dapat ditunjukkan apabila setiap orang Islām dituntut untuk mencari ilmu sehingga ke liang lahad. Penulis turut memberikan contoh kehidupan ilmunan-ilmuan terdahulu yang sentiasa berusaha menuntut ilmu walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Nilai keempat pula ialah nilai kepimpinan. Dalam masyarakat, nilai kepimpinan memainkan peranan penting dalam menyuburkan budaya ilmu. Keteguhan budaya ilmu yang berakar dalam masyarakat adalah hasil sokongan sekumpulan yang memainkan peranan masing-masing dalam menghayati dan memahami budaya ilmu. Ini bagi menjamin setiap individu berupaya untuk memilih pemimpin yang bertanggungjawab kerana seorang pemimpin yang bertanggungjawab dapat membantu dalam penyebaran ilmu. Nilai yang seterusnya adalah sikap hormat-kritis terhadap ilmu. Sikap ini sememangnya memerlukan seseorang untuk bertindak adil dan berani dalam mencari kebenaran. Kritikan terhadap perkara-perkara terdahulu tidak terhalang kerana keperluannya untuk mencari

kebenaran, namun penghormatan tertinggi masih tetap diberikan terhadap tokoh-tokoh yang membawa sesuatu hasil pemikiran tersebut. Nilai keenam pula adalah kesinambungan tradisi ilmu. Tidak banyak yang ditulis oleh penulis dalam tajuk kecil ini namun cukup jelas penjelasan yang diberikan. Menurut penulis, setiap perkara terdahulu harus dirakamkan untuk dijadikan sebagai ibrah dan panduan yang penting untuk diketahui oleh generasi masa kini dan akan datang untuk mencari kebenaran dengan adil. Nilai yang ketujuh pula adalah proses syura atau perbincangan yang dilakuka bersama-sama dengan ahli atau pakar dalam sesuatu bidang atau perkara. Proses ini sangat penting kerana dalam penjelmaan budaya ilmu, perbincangan atau musyawarah akan membantu seseorang untuk membuat keputusan yang terbaik dan adil. Ini adalah satu cerminan sifat umat Islām sebenar kerana setiap perkara harus dibincangkan untuk membuahkkan keadilan dan kesepakatan dalam sesuatu perkara. Nilai yang terakhir ialah pengiktirafan terhadap peranan wanita. Dalam agama Islām, wanita dan lelaki bertanggungjawab untuk mencari ilmu dan melaksanakan tugas sebagai khalifah dan hamba Allah di muka bumi. Ini bermaksud wanita mampu memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu serta menggalakkan budaya ilmu. Penulis telah memberikan contoh-contoh yang jelas bagaimana wanita mampu berperanan sebagai seseorang yang dapat melibatkan diri dalam usaha keilmuan.

Bab yang seterusnya pula membincangkan berkenaan dengan *Islāmisasi Ilmu-Ilmu Semasa*. Penulis memulakan bab ini dengan mengambil contoh bagaimana Barat menganggap ilmu sebagai sesuatu yang berkecuali-nilai. Ini bermaksud nilai ilmu sering berubah dan tidak tetap serta banyak bergantung kepada nilai peribadi seseorang. Berbeza dengan umat Islām, ilmu dimanfaatkan dari pelbagai sumber dan ilmu itu sendiri tidak dianggap sebagai nisbi sifatnya. Melalui skema martabat ilmu, kesatuan ilmu sentiasa dipertahankan dan dipastikan dengan memberikan keutamaan kepada kepentingan ilmu al-Qur'an, Hadith dan ilmu Islām yang lain. Inilah yang menurut penulis terkandung dalam usaha SMN al-Attas dalam mengislāamkan ilmu-ilmu semasa untuk manfaat umat Islām pada hari ini. Penjelasan yang diberikan penulis sangat menarik dan diperlukan untuk memahami apa yang dimaksudkan dengan pengislāman ilmu-ilmu semasa. Ini menjadikan, menurut penulis, Islāmisasi ilmu-ilmu semasa adalah satu kewajipan dan Fardu Ain bagi setiap cendekiawan Islām mengikut kadar dalam bidang-bidang yang dikuasai.

Dalam bab *Pelaksanaan Dalam Masyarakat*, penulis terlebih dahulu menyatakan sebab-sebab dan faktor-faktor yang memungkinkan usaha untuk membina budaya ilmu ini memerlukan satu usaha yang tinggi untuk mencapai keberkesanannya serta kejayaannya. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh penulis bagi menjamin pelaksanaan dalam masyarakat adalah pertama kefahaman dalam sistem nilai dan falsafah pembangunan negara. Kedua, penghormatan terhadap ilmuwan dan pendidik. Ketiga, merapatkan cendekiawan dengan masyarakat. Seterusnya, pembacaan yang bermutu. Apa yang dimaksudkan adalah galakkan dalam membaca bahan yang bermutu tinggi dalam mendekati idea-idea yang besar kepada masyarakat. Kelima, budaya ilmu pemimpin adalah budaya yang berkisarkan seorang pemimpin menjadi pemula dalam mengadakan perbincangan ilmiah serta penyebaran ilmu-ilmu yang penting. Cadangan seterusnya adalah meletakkan ilmu sebagai teras utama dalam membuat sesuatu keputusan kerana ilmu mempunyai nilai mutlak yang tertinggi. Ketujuh peranan media massa dalam penyebaran dan pengembangan ilmu untuk suatu tujuan yang lebih berfaedah berbanding menghidangkan masyarakat dengan bahan media yang hanya memberikan keseronokkan fantasi dan tidak bermutu tinggi. Cadangan yang terakhir ialah persediaan dalam menguasai Bahasa ilmu serta pengiatan dalam terjemahan.

Penulis telah memberikan contoh-contoh yang berguna untuk memahami bagaimana cadangan-cadangan ini dapat dilaksanakan dalam masyarakat.

Bahagian kedua pula dimulai dengan bab yang bertajuk *Iklim Kehidupan Intelektual Andalusia*. Penulis meletakkan bab ini bagi membolehkan para pembaca untuk melihat sendiri bagaimana proses pembentukan budaya ilmu berlaku dalam sesuatu masyarakat dan tamadun khususnya di Andalusia. Bab ini telah menggambarkan rupa dan hakikat kehidupan ilmuwan di Andalusia dan dalam masa yang sama proses Islāmisasi juga berlaku. Penulis juga menyenaraikan ciri-ciri iklim keilmuan yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan bab sebelumnya dengan penulis memberikan contoh-contoh yang konkrit. Antara yang menarik adalah bagaimana seseorang dapat menjimatkan masa dalam menguasai sesuatu ilmu melalui pergaulan dengan alim ulama atau cerdik pandai dalam sesuatu bidang. Dalam masa yang sama, seorang yang sedang menuntut ilmu harus mempunyai tujuan dan matlamat yang jelas iaitu untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. serta mendapat kebenaran. Kepentingan seorang muslim untuk menguasai pelbagai bidang adalah satu langkah kefahaman dan penghayatan terhadap ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah yang tidak terpisah. Penulis juga ada menukilkan beberapa kesilapan besar yang dibuat pada masa dahulu dan juga pada masa kini yang sememangnya perlu dihayati sebagai langkah untuk kemajuan diri dalam menghidupkan budaya ilmu. Peringatan yang sering dimuatkan dalam tulisannya adalah satu pesanan yang sangat membersihkan jiwa bagi seorang yang benar-benar ingin menghidupkan budaya ilmu.

Bab seterusnya ialah *Budaya Ilmu Di Alam Melayu*. Bab ini telah merumuskan persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan iaitu pernahkah terdapat budaya ilmu di Alam Melayu, termasuk di Malaysia? Jika ada, apakah ciri-ciri utamanya? Jika tiada, apakah sebab-sebabnya? Persoalan-persoalan ini merupakan persoalan penting dan mendasar untuk dibangkitkan kerana impak persoalan ini dapat membantu kefahaman terhadap perkembangan dan pelaksanaan budaya ilmu. Menarik dalam bab ini, penulis memulakan dengan mengemukakan pembuktian dapatan kajian oleh SMN al-Attas melalui penerangan bukunya yang bertajuk *Islām dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* berkenaan dengan kedatangan Islām di Kepulauan Melayu. Menurut beliau, inilah titik permulaan peningkatan ilmu pengetahuan dalam kalangan orang Melayu. Sorotan demi sorotan dikemukakan untuk mengukuhkan pandangan penulis dengan mengambil beberapa contoh dari SMN al-Attas dan serta ilmuwan-ilmuwan lain. Penulis sempat mencadangkan bahan bacaan yang boleh menghuraikan lagi penerangan penulis dengan lebih mendalam seperti *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqā'id of al-Nasafī* karangan SMN al-Attas, *A Classical History of Malay Literature* tulisan Richard Winstedt, dan *Jaringan Ulama: Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII* hasil tulisan Azyumardi Azra. Sebagaimana tamadun lain, tamadun Alam Melayu turut tidak ketinggalan dalam menyuburkan budaya ilmu sehingga melahirkan ramai ilmuwan-ilmuwan yang sangat gigih menuntut dan mendalami ilmu seperti Nūr al-Dīn al-Rānīrī, Ḥamzah Fanṣūrī, Muḥammad al-Hāmid, dan 'Abdu'LLāh 'Abd al-Qādir Munshī sehingga dapat memberikan sumbangan besar terhadap penyebaran ilmu di Alam Melayu. Penulis juga tidak ketinggalan dalam membuat perbandingan berkenaan dengan kegiatan keilmuan pada zaman pra-Islām dan selepas kedatangan Islām. Budaya ilmu sememangnya tersebar dan berkembang luas di Alam Melayu.

Bab seterusnya adalah hasil makalah penulis bersama Dr. Khalif Muammar A. Harris iaitu dengan tajuk *Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad Ke-17 Masihi*. Makalah ini

membincangkan tentang manuskrip *Durr al-Farā'id* karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī meliputi naskah-naskah asalnya, kandungan makalah tersebut, sorotan yang membenarkan kandungannya yang menggambarkan keadaan kegiatan keilmuan di Alam Melayu pada abad ke-17 dan apa yang lebih penting manuskrip ini membincangkan 'Aqīdah Islām yang memancarkan pemikiran Melayu yang komprehensif yang secara tidak langsung membuktikan di Alam Melayu sudah membincangkan perkara-perkara yang penting yang sememangnya memberi gambaran bahawa kegiatan keilmuan dan budaya ilmu sebenarnya sedang giat berlaku.

Budaya Ilmu, Perpaduan Dan Kesejahteraan Negara merupakan tajuk dalam bab yang seterusnya. Dalam bab ini, penulis menerangkan secara ringkas konsep negara maju yang menjadi cadangan penulis kepada pihak pemerintah Malaysia pada tahun 2011 dimana aspek kebahagiaan dan kesejahteraan diri boleh menjadi ukuran kemajuan diri melalui pandangan alam Islām. Penulis turut menyenaraikan negara-negara yang bahagia dan mengemukakan hujah-hujah dan sebab-sebab negara tersebut di anggap negara bahagia. Dalam bab ini, apa yang menarik adalah konsep pohon yang menjadi tamsilan terhadap perpaduan dan kesejahteraan sesebuah negara disertakan bersama perbandingan pohon rimbun ketatangeraan Imām al-Ghazālī. Perkaitan yang dikemukakan oleh penulis telah mencerminkan bahawa kaedah Imām al-Ghazālī banyak digunakan oleh ilmuwan terdahulu melalui amalan budaya ilmu yang bersifat inklusif sehingga segala ilmu dan sumber-sumber baik dari tradisi keilmuan Islām mahupun tradisi bukan Islām dimanfaatkan sewajarnya oleh beliau. Sesuai dengan tajuk buku, penulis turut mengemukakan sekali lagi berkenaan budaya ilmu serta peranan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai tempat untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan tempat yang paling sesuai untuk mendidik seseorang untuk berupaya menyuburkan lagi budaya ilmu serta dapat memenuhi cita-cita tertinggi dalam mengangkat kedudukan ilmu. Banyak ciri-ciri dan perkara-perkara penting yang mendasar dibincangkan dalam tajuk ini yang tiada dapat tidak harus dihayati makna-makna dan penjelasan yang dikemukakan oleh penulis dalam memperkukuhkan dan menggalakkan budaya ilmu dalam masyarakat khususnya di Malaysia.

Seterusnya, dua bab penting iaitu *Budaya Ilmu Institusi I: ISTAC* dan *Budaya Ilmu Institusi II: CASIS* mempunyai perkaitan yang rapat dalam pengembangan budaya ilmu masa kini khususnya amalan yang seharusnya berlaku di IPT. Secara ringkasnya, amalan yang dilakukan dalam kedua-dua buah institusi ini bertitik-tolak dari kefahaman terhadap ilmu pengetahuan yang dipelajari seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Salah satu faktor penting yang menjadikan institusi-institusi ini berupaya untuk mencapai tahap sepertimana institusi-institusi terkemuka di luar negara adalah kerana penghayatan budaya ilmu yang tinggi. Peranan tenaga pengajar, amalan syura, kewibawaan perpustakaan, penerbitan sehinggalah program-program yang dijalankan merupakan ciri-ciri penting yang menyumbang kepada kejayaan institusi-institusi ini di mata dunia. Kegigihan warga institut dalam menyemai budaya ilmu serta mengangkat kedudukan ilmu pada tahap yang tertinggi adalah satu sifat yang wajar dicontohi oleh institusi-institusi lain terutama institusi yang berkerangkakan agama Islām. Syarahan *Saturday Night Lecture Series* (SNL) yang diteruskan di CASIS sejak diperkenalkan di ISTAC lagi oleh SMN al-Attas sememangnya satu program yang telah banyak menghidupkan budaya ilmu yang menurut penulis kian mendapat sambutan kerana sifatnya yang masih relevan dengan kehidupan peribadi, institusi dan negara. Program *Worldview of Islām Series* (WISE), satu program yang memperkenalkan dan juga menghuraikan kepentingan pandangan alam Islām berdasarkan buku tulisan SMN al-Attas iaitu *Islām and Secularism* dan *Prolegomena to the Metaphysics of Islām*, yang

ditawarkan oleh barisan sahabat dan murid-murid penulis di IKIM dan CASIS adalah antara inisiatif hasil dari penghayatan budaya ilmu yang berterusan.

Bab yang terakhir merupakan *Epilog* bagi keseluruhan karya yang ditulis oleh penulis. Bab ini membincangkan bagaimana perkaitannya budaya ilmu dengan kebahagiaan hakiki, budaya ilmu dan ekonomi berteraskan ilmu (EBI), budaya ilmu dan penguasaan bahasa, dan budaya ilmu dan demokrasi. Penulis turut merumuskan bagaimana budaya ilmu yang luhur boleh rosak disebabkan kekeliruan dan penyelewengan dalam berbudaya ilmu. Penghayatan tugas diri di muka bumi ini untuk menghayati erti sebenar budaya ilmu merupakan satu perjuangan yang harus dilaksanakan oleh setiap individu muslim sebagai sebahagian dari kefahaman terhadap ilmu.

Muhammad Nuaim Bin Bahron

Calon Sarjana Pendidikan,
Cluster of Education and Social Sciences,
Open University Malaysia (Bintulu Learning Centre).